# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenali sumber-sumber bahasa yang digunakan untuk menghasilkan sebuah esei dalam bahasa Melayu demi memenuhi kehendak peperiksaan STPM. Di peringkat STPM penulisan esei merupakan satu kemahiran yang penting. Walau bagaimanapun, pelajar sering diajar menulis esei tanpa berpandukan pengetahuan spesifii tentang sumber-sumber bahasa yang boleh digunakan untuk menghasilkan esei. Esei tergolong dalam genre eksposisi (*expository* ***genre).*** Dengan itu, kajian ini harus dilaksanakan melalui pengamalan teori linguistik yang mampu mengaitkan konsep genre dengan penggunaan sumber bahasa yang merealisasikannya. Teori linguistik sistemik fungsional **(systemic** *functional* linguistics) dipilih untuk kajian ini kerana teori ini memenuhi dua syarat utama, iaitu berupaya mengaitkan penciptaan genre dengan sumber bahasa serta mempunyai kerangka deskripsi sumber-sumber bahasa yang menyeluruh dan teliti. Melalui analisis di peringkat semantik-wacana ***(discourse semantics) dan*** analisis leksiko-nahu (*lexicogrammar*) kajian ini telah mengenal pasti sumber-sumber bahasa yang digunakan untuk menghasilkan sebuah karangan eksposisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa sumber-sumber bahasa tertentu telah dimanfaatkan untuk merangka struktur generic ***(generic structure)*** yang merealisasikan genre eksposisi melalui tiga dimensi makna. Maklumat penggunaan sumber bahasa begini boleh membantu pelajar dalam proses penulisan esei.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to analyse and determine the language resources that are used to produce Malay essays as required by the local assessment examinations. Essay writing skill is vital for students who are sitting for these examinations. Although such a skill is important students are often left on their own to figure out what resources are available and the ways to use them in order to produce an essay which belongs to the expository genre. The theoretical framework used in this researchs need to fulfil two major requirements. First the theory needs to link the concept of genre with language resources that realise it. Then, it must possess also a comprehensive grammatical description, These characteristics are found in the theory of systemic functional linguistics. Through the analyses of discourse semantics and lexicogrammar, language resources that realise an exposition are determined. Certain linguistic resources have been utilised to form expository generic structure via three dimensions of meanings. The knowledge of these language resources could benefit students who are learning to write the expository genre.